



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
21 MEI 2019 (SELASA)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



AKHBAR	Berita Harian
TAJUK BERITA	WISH bantu ahli kuasai bidang keusahawanan
MUKA SURAT	82

WISH bantu ahli kuasai bidang keusahawanan

Shah Alam: Kelab Wanita Inspirası Shah Alam (WISH) mengambil inisiatif mengumpulkan individu pelbagai kerjaya termasuk suri rumah dan pelajar sekitar, bertujuan memperkasakan mereka dalam bidang keusahawanan.

Pengerusi WISH, Nabisha Rofli, berkata usaha itu sejajar dengan matlamat memajukan wanita daripada pelbagai kaum.

Beliau berkata, penubuhan kelab itu juga memberi peluang mereka menambah pendapatan se-

lain meningkatkan keyakinan diri dalam melakukan aktiviti yang menjana ekonomi diri dan keluarga.

Tingkat kemahiran wanita

“WISH bukan sahaja menghulur bantuan tetapi turut meningkatkan kemahiran dengan menghargapkan wanita supaya lebih berani menguruskan perniagaan masing-masing,” katanya pada majlis pelancaran kelab di sini, baru-baru ini.

Majlis disempurnakan Pengerusi

Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi Selangor, Rodziah Ismail. Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Anggerik, Mohd Najwan Halimi.

Pada majlis itu juga dianjurkan bengkel Revolusi Ekonomi Wanita (REW) yang menampilkan pakar motivasi Dato Sri Mahadi, Pakar Motivasi Kewangan, Abg Abu Mekanik Wang.

Majlis pelancaran juga disertai usahawan dengan mengadakan



Nabisha Rofli

pameran produk jualan daripada pelbagai jenama antaranya Lokal.com, Elianto, Orkid DD dan Kazz Hidroponik.

Majlis diserikan dengan kehadiran artis, iaitu Wan Azlin, Sarah Najiha Saifudin, Diyana Mastika dan Farah Hazel.

Mengulas lanjut, Nabisha berkata, WISH turut menyediakan jaringan tanpa had melalui program keusahawanan, kepimpinan, keselamatan kesihatan dan persekitaran, inovasi dan kreativiti serta kebijakan.

nb 82



KERATAN AKHBAR 21 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	PREC rai anak yatim, fakir miskin sempena Kembara Ramadan 2019
MUKA SURAT	46



SEBAHAGIAN anak yatim yang terlibat dalam program Kembara Ramadan PREC 2019 di Selangor baru-baru ini.

PREC rai anak yatim, fakir miskin sempena Kembara Ramadan 2019

SHAH ALAM 20 Mei-Seramai 354 anak yatim dan fakir miskin di enam buah rumah kebajikan terpilih diraikan menerusi program Kembara Ramadan PKNS Real Estate Sdn. Bhd. (PREC) 2019 dengan penglibatan hampir kesemua kakitangan PREC dan anak syarikatnya Park Here Sdn Bhd (PHSB).

Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakru Radzi Ab. Ghani berkata, bahawa program ini adalah antara salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat PREC untuk memberi semula kepada masyarakat dengan menggunakan wang zakat yang telah diperuntukan untuk tahun ini.

"PREC sentiasa komited dalam menyalurkan sumbangan kepada rumah-rumah dan badan-badan kebajikan yang terpilih setelah menilai dan melakukan lawatan berdasarkan khidmat nasihat daripada pihak Lembaga Zakat Selangor dan kami melihat keperluan dalam membesarakan anak-anak bermula dari rumah

dan juga di sekolah ini memerlukan kos yang banyak", katanya.

Antara rumah yang dikunjungi adalah Rumah Amal Limpahan Kasih, Maahad Tahfiz Al Ulum Wal Ghazaly, Pusat Jagaan Nur Sakinah, Rumah Kebajikan Al-Firdaus, Pusat Jagaan Budi Bistar dan Pertubuhan Kebajikan Baitul Islah.

Kakitangan PREC dan PHSB berpeluang mempereratkan ukhuwah bersama anak-anak tersebut dengan aktiviti seperti sesi bersama maskot, ahli silap mata, badut, kuiz dan origami kreatif.

Sumbangan turut diberikan dalam bentuk wang tunai sebagai duit raya kepada anak-anak dan guru, barang elektrik seperti mesin basuh, peti ais, tilam, cadar, barang dapur, pakaian, dan dapur masak.

Majlis pelepasan disempurnakan oleh Ketua Ahli Jawatankuasa Kerja PREC merangkap Pengurus Kanan Teknologi Maklumat PKNS, Saharom Mohni di SACC Mall Shah Alam. *mls 46*



AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Tiada isu berhubung kutipan sampah
MUKA SURAT	47

UTUSAN KOTA

47

Tiada isu berhubung kutipan sampah

SEPANG 20 Mei- Masalah melibatkan jadual kutipan sampah di kawasan Kota Warisan dekat sini sepatimana dilaporkan akbar kelmarin, telah pun diselesaikan dan tiada isu berbangkit berhubung perkara tersebut.

Pihak KDEB Waste Management Sdn. Bhd. menegaskan, kerja-kerja kutipan sampah oleh pihaknya adalah konsisten, teratur dan mengikut jadual.

Ketua Media dan Perhubungan Awamnya, Mahfuzah Muhammad Tarmidi berkata, berlaku kekeliruan oleh pihak wakil penduduk berhubung kerja-kerja kutipan sampah di kawasan berkenaan dan pihaknya telah menghubungi dan menemui wakil berkenaan

untuk memberikan penjelasan.

Menurutnya, pihak syarikat sentiasa komited dalam memastikan kerja-kerja mengutip sampah di kawasan itu dilakukan secara efisien dan teratur demi keselesaan penduduk.

“Jadual kutipan kami adalah konsisten. Kutipan kami adalah teratur dan mengikut jadual. Setiap kawasan dipantau oleh penyelia kawasan yang sentiasa bersedia untuk dihubungi pada bila-bila masa sekiranya terdapat sebarang aduan.

“Kerja kutipan bagi sampah

kitar semula hanya dipungut oleh kontraktor pembersihan dengan menggunakan lori roro dan bukannya kontraktor kutipan domestik yang menggunakan kompaktor,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini akbar *Utusan Malaysia* melaporkan aduan wakil penduduk berhubung kerja-kerja kutipan sampah kawasan tempat tinggal mereka.

Mahfuzah menambah, sebarang aduan berhubung perkhidmatan KDEB Waste Management Sdn. Bhd. boleh disalurkan melalui Applikasi iClean Selangor.



MAHFUZAH

ms 47



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Jangan ugut kakitangan awam
MUKA SURAT	19

Jangan ugut kakitangan awam

MB kesal tindakan pihak berlagak gangster menakut-nakutkan penjawat

NORAFIZA JAAFAR

BATU CAVES

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari mengcam tindakan berlagak ala gangster dengan mengugut menakutkan penguat kuasa dan pegawai yang menjalankan tugas.

Amirudin berkata, beliau memandang serius insiden rumah Pengarah Penguatan kuasa Majlis Perbandaran Selangor (MPS),

Norhayati Ahmad dibaling cat dan molotov cocktail dalam dua insiden berasingan pada 28 April dan 13 Mei lalu.

Menurutnya, perkara itu telah dibawa dalam Mesyuarat Keselamatan Negeri dan disampaikan kepada Ketua Polis Negeri, Datuk Noor Azam Jamaludin agar gejala gangsterisme yang ditangani melalui tindakan sewajarnya.

"Gengsterisme ala mafia dengan niat mengugut penguatan kuasa dan pegawai pihak berkuasa tempatan adalah satu perkembangan tak sihat yang boleh mengganggu undang-undang dalam negeri.

"Ia perlu diambil tindakan tegas. Saya gesa pihak luar jangan takut untuk ke depan jika diancam. Ia penting untuk menjaga keselamatan dan pelihara undang-undang sedia ada," katanya



Amirudin melawat Bazar Ramadan Selangor Baru kelmarin.

pada program edaran bubur lambuk dan kurma di Bazar Ramadan Selangor Baru kelmarin.

Amirudin berkata, masalah sama perlu dibawa ke perhatian peringkat kerajaan Persekutuan

dengan menyemak semula undang-undang sedia ada sesuai untuk dikuatkuasa atau ditambah baik.

"Cadangan menyediakan senjata kepada penguat kuasa bukan

perkara pokok kerana masalah utama yang perlu diselesaikan adalah menyekat gejala gangsterisme.

"Penyediaan senjata boleh dilakukan tapi tindakan gangsterisme yang mengancam keselamatan awam perlu lebih diberikan penekanan dan ia tak sepatusnya berlaku," katanya.

Sinar Harian semalam melaporkan rumah Norhayati di Taman Muhibbah dibaling cat merah dan letupan molotov cocktail sebelum laporan polis dibuat.

Susulan itu, polis menahan sepuluh suspek dalam dua tangkap berasingan.

Kesemua suspek berusia 19 hingga 57 tahun ditahan reman untuk membantu siasatan selepas ada diantaranya mengaku diupah untuk melakukan perbuatan itu. mbs 19



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Masalah penduduk bakal selesai
MUKA SURAT	22

Masalah penduduk bakal selesai

Apartmen Wawasan lebih sistematis selepas jadi pangaspuri angkat MPSJ

HASNIZA HUSSAIN

SUBANG JAYA

Kerajaan negeri optimis dapat menyelesaikan masalah penduduk Apartmen Wawasan, Pusat Bandar Puchong, di sini, melalui program Pangaspuri Angkat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2019.

Exco Kerajaan Tempatan Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, sebelum ini apartmen berkenaan dilaporkan mengalami banyak masalah termasuk aspek kebersihan dan kesosakan kemudahan awam.

Justeru Sze Han memberita-



Jawatankuasa Penduduk MPSJ Zon 16, JMB Apartment Wawasan serta kakitangan Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MPSJ memasak bubur lambuk pada Program Sesi Ramah Mesra Pangaspuri Angkat MPSJ 2019 baru-baru ini.

hu, pihaknya bersama MPSJ, ahli majlis dan Ahli Parlimen sedang meneliti masalah penduduk bersama Badan Pengurusan Bersama (JMB) termasuk kadar bayaran penyelenggaraan.

"Bayaran sekarang hanya RM33 sebulan tetapi masih ramai pemilik unit yang tidak membuat pembayaran secara konsisten," katanya selepas menghadiri Sesi

Ramah Mesra Pangaspuri Angkat MPSJ 2019, di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, kegagalan penduduk membuat bayaran membawa impak kepada pelaksanaan projek pangaspuri angkat.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, program ramah mesra bersama

penduduk bertujuan mendengar masalah mereka.

Beliau berkata, satu sesi taklimat berhubung perancangan MPSJ turut diadakan bagi memberdayakan komuniti Apartment Wawasan melalui projek pangaspuri angkat yang akan merencanakan pelbagai program inklusif tetapi memerlukan sokongan penduduk.

"Sesi dialog juga memberi peluang kepada mereka untuk berkongsi cadangan atau memaklumkan sebarang aduan berkaitan penambahbaikan perkhidmatan MPSJ."

"Kita juga menyediakan ruruai Wishlist MPSJ bagi tujuan itu dan kita akan ambil maklum," katanya dalam satu kenyataan media.

MPSJ di bawah Pelan Strategik MPSJ 2012-2030 menyahut seruan Dasar Komuniti Negara yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pada 17 Februari lalu dengan melaksanakan Program Pangaspuri dan Kampung Angkat Komuniti Berdaya.

Program itu dianggap sebagai transformasi dalam penyampaian perkhidmatan dengan mengambil pendekatan memberdaya komuniti golongan B40 ke arah menjadikannya MPSJ perbandaran yang sejahtera dan bestari.

Ia juga tidak meninggalkan golongan yang kurang berkelebihan mampuan menikmati pemodenan negara. **ms 22**



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Rezeki sempena Aidilfitri
MUKA SURAT	23

Rezeki sempena Aidilfitri

Baucar Jom
Shopping bantu
ringan beban
kewangan
penerima

AZIE YAHAYA

KLANG



Lebih 200 penduduk di DUN Selat Klang gem-bira kerana terpilih sebagai penerima Program Jom Shopping di sebuah pasar raya, di sini semalam.

Mereka menyifatkan pemberian itu sebagai rezeki Aidilfitri kerana dapat membantu meringankan beban untuk membeli keperluan dapur.

Seorang penerima, **Abdul Karim Abd Rahim**, 59, berkata, bantuan itu sangat membantu bagi menampung perbelanjaan bulanan

keperluan asas keluarganya.

Dia yang bekerja sendiri bersyukur kerana terpilih sebagai penerima bantuan tersebut.

"Bantuan ini sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban perbelanjaan barang dapur lebih-lebih lagi untuk menyambut Aidilfitri nanti."

"Mungkin kecil bagi mereka yang berkemampuan besar bagi golongan seperti kami," katanya ketika ditemui semasa Program Penyerahan Bau-



Abdul Rashid (kiri) bersama sebahagian penerima selepas Program Penyerahan Baucar Jom Shopping Hari Raya Aidilfitri DUN Selat Klang semalam.

car Jom Shopping Hari Raya Aidilfitri DUN Selat Klang semalam.

Bagi **Kamariah Saidin**, 63, baucar yang diterima suaminya itu dapat menambah perbelanjaan dapur keluarga mereka.

"Hari ini mak cik dapat

membeli barang-barang dapur seperti beras dan gula," katanya.

Sementara itu, Exco Kebudayaan Dan Pelancongan, Peradaban Melayu Dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari yang menyempurnakan program

berkenaan berkatanya, Jom Shopping dilaksanakan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri awal bulan depan.

Beliau yang juga ADUN Selat Klang memberitahu, seramai 750 penerima di DUN Selat Klang

info

Seramai 750 penerima di DUN Selat Klang layak menerima bantuan baucar RM100

layak menerima bantuan baucar RM100 tahun ini.

"Kita terpaksa membuat tiga sesi berikutnya tempat serta ruang pasar raya yang terhad bagi memberi kesesuaian kepada penerima untuk memilih barang keperluan."

"Ia adalah kesinambungan program Jom Shopping yang dilaksanakan Kerajaan Selangor melalui Inisiatif Peduli Rakyat (IPR)."

"Inisiatif kerajaan negeri mengekalkan pemberian baucar Jom Shopping pada setiap perayaan membuktikan keperhatian kepada rakyat," katanya. ms 23



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Penguat kuasa terperangkap
MUKA SURAT	34

KUALA SELANGOR.TANJONG KARANG

HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR: ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN - 019-6680950 / 019 8880275



Premis perniagaan besi buruk yang disita MDKS dalam satu operasi di Sungai Buloh baru-baru ini.



Pegawai penguat kuasa MDKS menyatakan siasat pemilik premis yang masih ingkar arahan penutupan.

Penguat kuasa terperangkap

Pemilik mengunci premis besi buruk gara-gara elak disita

ARZIANA MOHAMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR

Dua penguat kuasa Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) berdepan detik cemas selepas terperangkap dalam sebuah premis perniagaan besi buruk ketika menjalankan pemeriksaan.

Kejadian berlaku apabila pemilik enggan memberi kerjasama dan mengunci mereka selama 10 minit ketika operasi bersepada membabitkan dua premis di Sungai Buloh baru-baru ini.

Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat berkata, tindakan

tidak bertanggungjawab pemilik premis itu ternyata menghalang penjawat awam menjalankan tugas mereka.

Susulan kejadian itu katanya, satu laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor.

"Tindakan lelaki itu menghalang penguat kuasa menjalankan sitaan," katanya.

Rahilah memberitahu, penguat kuasa MDKS turut memasang pita keselamatan merentangi pintu premis berkenaan sebagai arahan kepada penutupan serta merta.

Menurutnya, operasi itu membabitkan satu premis yang menjalankan perniagaan secara haram manakala satu lagi masih beroperasi di kawasan yang tidak sepatutnya.

"Operasi berkenaan dilaksanakan hasil aduan orang ramai dan bertentangan dengan tataca-

ra perniagaan besi buruk yang tidak bersesuaian di kawasan komersil dan kediaman.

"Sebuah premis di Lot 373, Jalan Iman sudah menghentikan operasi namun premis di Jalan Besar, Batu 22 Sungai Buloh masih menjalankan perniagaan itu," katanya.

Tegasnya, tindakan sitaan terhadap pemilik perniagaan tersebut diambil kerana ingkar kepada arahan menghentikan perniagaan yang dikeluarkan pada 19 Februari lalu.

"MDKS juga ingin menegaskan kepada mana-mana pihak yang ingin menjalankan perniagaan besi buruk supaya merujuk dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan MDKS dan agensi berkaitan."

"Kegagalan pemilik perniagaan mematuhi peraturan tersebut akan mengakibatkan tindakan siasatan dikenakan," katanya.



Ruang tepi lot premis yang dijadikan tempat penyimpanan besi buruk menjelaskan kawasan persekitaran.



Susulan kejadian itu, satu laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor kerana menghalang penguat kuasa menjalankan sitaan. - Rahilah



Premis pemilik disita kerana mengingkari arahan selepas notis peringatan diberikan.



Sebahagian besi buruk di kawasan premis mengakibatkan ketidakselesaan kepada orang ramai.



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Projek RM69.2 juta untuk kemudahan rakyat
MUKA SURAT	35

Projek RM69.2 juta untuk kemudahan rakyat

BATANG KALI - Tujuh projek fizikal dan kemudahan infrastruktur akan dilaksanakan tahun ini membabitkan kos berjumlah RM69.2 juta.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Musa Ranli berkata, RM40 juta diperuntukkan untuk lima projek fizikal manakala RM29.2 juta bagi dua projek infrastruktur.

Menurutnya, projek fizikal iaitu pembinaan masjid di Rasa dengan kapasiti 1,500 jemaah melibatkan kos RM11.8 juta.

"Kedua membina Pusat Pembangunan Jabatan Ke-

bajikan Masyarakat di Serendah, Hulu Selangor dengan kos RM16.5 juta.

"Tiga lagi projek fizikal adalah pembinaan Pejabat Veterinar di Kuala Kubu Bharu dengan kos RM1.5 juta dan menaik taraf Perpustakaan Awam Kuala Kubu Bharu bernilai RM3.2 juta.

"Manakala RM7 juta bagi membina Kuarters Integrasi Klinik Kesihatan Felda Soeharto, Hulu Bernam," katanya ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Bersama Rakyat dan

Penyampaian Sumbangan Hari Raya di Masjid Bandar Utama Batang Kali Rabu lalu.

Musa berkata, projek kemudahan infrastruktur melibatkan penggantian Jambatan Sungai Kerling dan Batang Kali melibatkan kos RM6.4 juta serta RM22.8 juta.

Menurutnya, pemulih-an projek Lembah Beringin diberi perhatian.

"Batang Kali pula akan terus diperkasakan sebagai Pusat Pertumbuhan Utama selepas Bandar Bukit Beruntung dan Bukit Sen-tosa," katanya. *MS 35*



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Tahap kebersihan bazar meningkat
MUKA SURAT	35

Tahap kebersihan bazar meningkat



Shukri (empat dari kiri) dan June Leow (lima dari kiri) bersama pemimpin setempat mengedarkan apron, kurma serta bekas makanan di Bazar Ramadan Jalan Seroja Bukit Sentosa kelmarin.

BUKIT SENTOSA - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) berpuas hati dengan peningkatan tahap kebersihan di lapan lokasi Bazar Ramadan Mampan di daerah itu.

Yang Dipertua, Shukri Mohamad Hamin berkata, MDHS merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negeri ini yang menganjurkan bazar tersebut sejak lapan tahun lalu.

Menurutnya, MDHS mengambil inisiatif melaksanakan program tersebut dua tahun lebih awal sebelum kerajaan negeri menarikkan PBT di daerah lain untuk berbuat demikian.

"Alhamdulillah tahap

kebersihan dan kesedaran di kalangan peniaga semakin meningkat berbanding sebelum ini dengan permasalahan sampah bersepeh.

"Pada tahun ini ada lapan lokasi Bazar Ramadan Mampan membabitkan 483 peniaga dan kita akan teruskan dengan mencari ruang menambah baik pada masa akan datang.

"Komitmen peniaga diharap dapat mengekalkan budaya amalan perniagaan baik dengan mengutamakan aspek kebersihan dan penjagaan alam sekitar," katanya ketika berucap pada pelancaran Bazar Ramadan Mampan kelmarin.

Hadir sama, Ahli Parlimen Hulu Selangor, June

Leow Hsiad Hui dan Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor, Dr Siti Rohana Saad.

Shukri berkata, pengunjung turut dinasihatkan agar membawa bekas makanan sendiri ketika membeli juadah berbuka puasa di bazar Ramadan.

Menurutnya, amalan bagi mengurangkan penggunaan plastik itu selari dengan hasrat kerajaan negeri selain demi kebaikan dan kesihatan rakyat.

"Pemilihan bekas makanan pula perlu diambil kira ikut kod tertentu bagi memastikan ia selamat digunakan terutama ketika mengisi makanan panas," katanya. ms 35



KERATAN AKHBAR 21 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Klik
MUKA SURAT	35



KLICK

SANTUNI | ADUN Kuala Kubu Bharu yang juga Pengurus Wanita DAP Selangor, Lee Kee Hlong bersama jemaah ketika mengedarkan sumbangan buah kurma kepada Surau Taman Seri Batang Kali dan Surau Taman Seruling dekat sini. Bellau turut menyantuni peniaga dan pengunjung di Pasar Peladang Kuala Kubu Bharu sempena Ramadan.



AKHBAR	Star Metro
TAJUK BERITA	Rivers of sediment
MUKA SURAT	1

Rivers of sediment

Orang asli villagers living near Bukit Lagong Forest Reserve in Gombak are suffering as their main source of drinking water has been compromised by activities from nearby quarries. >2&3



Undrinkable: Juwariah Kendong showing a sample of the brownish water collected from the taps at her home in the orang asli village at the foot of Bukit Lagong Forest Reserve in Selangor. Villagers complain the drinking water supply is oily and dirty after a downpour. — AZMAN GHANI/The Star




KERATAN AKHBAR 21 MEI 2019 (SELASA)



AKHBAR	Star Metro
TAJUK BERITA	Rivers of sediment
MUKA SURAT	3

STAR METRO, TUESDAY 21 MAY 2019



News 3

Left: Trees being cleared to make way to transport machinery to begin quarrying.

Right: Sediment is visible at one of the rivers which supplies water to the orang asli village.



AKHBAR	Star Metro
TAJUK BERITA	Rivers of sediment
MUKA SURAT	3

imum of three times a day noon to 4pm from Monday to sday," he said.
e must obtain a permit re we are allowed to transport osive substances for our work e site," he added.
entral Selangor District Forest er Tengku Mohd Ridzuan ku Ibrahim, when contacted, the matter was brought to tention by the villagers and ing investigated.
e said a meeting was held ay 14 with the villagers to an amicable solution to the .
e are waiting for reports the Forestry Department and r relevant government depart ts and agencies before we

decide on the next course of action," he said.

Hanim expressed hope that the surrounding land housing the orang asli village can be gazetted as a green lung soon.

She said the proposal had been forwarded to Jakoa but they have not received any reply.

"I have spoken to a representative from the Selangor Forestry Department regarding this matter before. I was informed that we need to replace the land that would be gazetted to us with another piece of land," she said.

"I don't see why we have to do that. This is our land since the time of our ancestors. We only want what is rightfully ours," she added.



Hanim is also concerned about the blasting sounds from the nearby quarry.



A villager showing the polluted water collected inside a small tank in front of his house.



AKHBAR	Star Metro
TAJUK BERITA	'Slimy and oily water' flowing into pipes
MUKA SURAT	2

'Slimy and oily water' flowing into pipes

Orang asli villagers worry about deteriorating quality of drinking water

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my

THE villagers of Kampung Orang Asli Sungai Buloh dread whenever it rains.

Since last month, the village, which relies on the rivers that flow from the nearby hills for drinking water, has been receiving murky water filled with sediments from their pipes after a downpour.

The village houses 230 people and 64 families and is located at the foot of Bukit Lagong Forest Reserve.

Orang Asli Village Administration Committee (MPPKO) of Sungai Buloh chairman Hanim Apeng said seven quarries had been operating near the forest reserve since the early 1990s. Hanim claimed an eighth quarry was approved for operation early this year.

"We rely on the water from the streams in the hills for drinking. Now our drinking water looks like Milo each time it rains. We are worried that the activities of the quarries in the surrounding area might have something to do with the murky waters coming out of our taps," she said, adding that the village also relies on clean water supplied by the Orang Asli Development Department (Jakoa).

A team of four villagers from the village who were despatched to the rivers reported that sediments were visible in two rivers, namely Sungai Kelebat and Sungai Tolong.

Villager Norlizan Amli who headed the team said they also visited the sites of the quarrying activity.

They found that trees in the area have been cut down, most likely to begin drilling works.

Norlizan said the quarry operators would normally clear trees to create a path to bring in machineries before drilling work can be carried out.

"They can drill down as deep as 30m before they locate sufficient reserve of rocks to be quarried," he said.

Norlizan said the water supplied



Hanim (left), Shariffa (right) and other Peka representatives having a discussion about the poor water quality the orang asli folk have had to endure. — Photos: AZMAN GHANI/The Star

to his home now feels slimy and oily.

"When the roots of trees are pruned, the tree sap will be dislodged by rainwater into the nearby water catchment area which is the river. The sap will then flow into our pipes and that is why our water feels slimy," he added.

According to Norlizan, water from the rivers is collected in a small dam about 10 sq ft before being diverted to the homes in the village.

Following up on the deteriorating quality of the water, Hanim said she contacted the Peninsular Forestry Department who then referred her to the Selangor Forestry Department.

She was informed that the quarries had received approval from the state government to operate at the site.

Pertubuhan Pejindung Khazanah Alam (Peka) president Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akiti who visited the village recently, advised Hanim to write an official complaint to Selangor Menteri Besar Amirudin Shari and relevant government departments, adding that she was perplexed that quar-

ries are allowed to operate within the confines of a forest reserve.

"Selangor is expected to experience a critical water issue. It's crucial that we protect the cleanliness of our rivers to ensure we that we have adequate water supply," she said.

"We are not against development but it must be sustainable and sensitive to the environment," she added.

Hanim said an officer from the forestry department came to visit the village on May 15 to inform them that a stop-work order has been issued.

It is not clear though which among the eight quarries had been issued the order.

A representative from one of the local quarries, who was also present during the visit, offered to install water filters inside the dam.

It is learnt that representatives from the company had planned to visit the village to check out the water tank accompanied by a few villagers.

However, Hanim said she was later informed that the plan was called off due to unforeseen circumstances.



Hanim also expressed her concerns about the blasting sound which could be heard reverberating through the village during weekdays, especially in the evening.

"I heard three blast sounds coming from the quarrying sites in the hills. Our houses shook and we could feel a minor tremor in the floors and walls," she added.

StarMetro visited one of the quarries and spoke with a personnel who declined to be identified.

"Approval from the district police after recommendation from the Mineral and Geoscience Department is required once every month before we can carry out our blasting work. We are only allowed to carry out blasting a



The Jakoa signboard located near the entrance of the orang asli settlement in Sungai Buloh.

Two water tanks which are used by the orang asli villagers to store water from the streams nearby.